

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 19 RABU 14 MEI, 1969 1389 رابو 26 صفر PERCHUMA



Pemangku Menteri Besar, Y.A.M. Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohd. Yusof ketika merasmikan Persatuan PERWIRA pada hari Jumaat lepas.

Kemajuan ekonomi masharakat terletak pada qualiti penduduk — Pmk. M. B.

BANDAR BRUNEI — Pemangku Menteri Besar, Yang Amat Mulia, Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menyatakan bahawa salah satu dari syarat2 yang akan menentukan kemajuan ekonomi dan sosial sa-sebuah masharakat itu ada-lah terletak pada qualiti daripada quantiti penduduk2-nya.

Ini jelas terbukti bahawa sa-sebuah negara itu tidak kira kaya raya-nya sekali pun atau banyak-nya bahan mentah kepunyaan negara itu, ia-nya tidak akan dapat berkembang maju kalau sekira-nya ia kekurangan tenaga2 manusia yang berqualiti, tegas beliau.

Yang Amat Mulia itu telah berkata demikian sa-jurus sa-belum merasmikan pembukaan Persatuan PERWIRA dan Dewan Puspa di-Kampung Sungai Pandan pada hari Jumaat lepas.

Pemangku Menteri Besar itu menerangkan bahawa salah satu daripada tugas2 beliau dalam sa-sebuah masharakat yang membangun seperti masharakat kita ini ia-lah untuk menambah dan menampung usaha2 yang telah dan yang akan terus di-lakukan oleh Kerajaan dalam mencapai satu peringkat kemajuan yang sa-memang-nya sama2 kita idam2kan.

Beliau menegaskan, ini dapat-lah di-lakukan oleh beliau2 dengan jalan menampung usaha2 kerajaan untuk meningkatkan lagi qualiti sumber2 tenaga manusia bagi negeri ini demi kepentingan bersama.

Sa-chuchok dengan hakikat ini, Kerajaan Duli Yang Maha Mulia antara lain-nya telah menekankan dan menumpukan tenaga-nya dalam projek2 atau usaha2 yang di-fikirkan akan dapat memberikan kemudahan2 kepada kanak2 dan beliau2 khas-nya supaya jenerasi yang muda ini akan dapat hidup dan menghidupkan diri masing2 sa-bagai sa-orang anggota masharakat yang bersifat bebas dalam menjadikan Brunei sa-buah negara yang benar2 Darussalam bukan sahaja buat masa ini bahkan buat masa2 yang akan datang.

Menyentuh dengan memperkukuh ideologi negara dan susunan kebudayaan Yang Amat Mulia telah mengingatkan beliau2 di-seluruh tanah ayer supaya berhati2 bagi mempertahankan dan mengasah ideologi serta susunan kebudayaan negara kita, terutama sekali dalam usaha kita meneliti kemasokan idea2 yang baharu yang kerap kali di-sifatkan sa-bagai satu chara yang konon-nya moden.

(LIHAT MUKA 8)

Wakil2 raayat di-seru supaya sentiasa melawat penduduk2 yang di-wakili mereka

KUALA BELAIT — Pegawai Daerah Belait, Pengiran Dato Paduka Momin bin Pengiran Haji Ismail telah menasihatkan wakil2 raayat di-daerah itu supaya sentiasa melawat dan memerhatikan keadaan penduduk di-kawasan2 yang di-wakili mereka.

Tugas itu, kata-nya, ada-lah merupakan salah satu tanggung-jawab wakil2 raayat itu yang amat penting, kerana hannya dengan jalan itu saja mereka dapat melihat keadaan penduduk yang sa-benar-nya.

Dengan itu juga, tegas beliau, wakil2 raayat itu akan dapat mengemukakan usol2 yang meyakinkan kepada Kerajaan untuk memperbaiki keadaan penduduk.

Kenyataan itu di-buat beliau ketika mengulas hujjah2 yang di-buat oleh sa-orang wakil raayat dalam ucapan penanggoohan di-sidang Majlis Mashuarat Daerah itu yang ber-

langsung di-Bilek Persidangan Kuala Belait pada hari Rabu lepas.

Dalam persidangan hari itu tidak ada usol yang di-kemukakan kecuali ucapan2 penanggoohan yang di-sampaikan oleh tiga orang wakil2 raayat dalam majlis tersebut.

Awang Wahid bin Haji Wahab (kawasan Liang) telah menarek perhatian majlis dengan menimbulkan keadaan barek2 yang di-diami oleh pekerja2 Jabatan Kerja Raya di-Andulau dan meminta Kerajaan supaya dapat menggantikan barek2 itu dengan yang baru.

Beliau mensifatkan keadaan barek2 itu sa-bagai menyedehkan kerana bukan hanya barek2 itu sudah burok, bahkan ia-nya sudah pun chundong dan hanya di-dukkong oleh sulai2.

Pegawai Daerah Belait mengucapkan terima kasih (Lihat Muka 8)

KOLERA DI-S'PURA: BRUNEI BERJAGA2

BANDAR BRUNEI — Pegawai Perubatan dan Kesihatan, Dr. Y.H. Paik telah mengumumkan bahawa Kerajaan Singapura telah mengishtiharkan republik itu sa-bagai kawasan wabak kolera.

Dr. Paik berkata, untuk melindungi kesihatan penduduk2 di-negeri ini, semua penumpang2 yang tiba dari Singapura akan di-letakkan di-bawah perhatian sa-lama lima hari dari tarikh mereka bertolak dari Singapura.

Semua penumpang2 dan anak2 buah kapal yang masuk ke-Brunei yang tidak mempunyai sijil suntakan kolera yang sah akan di-suntak di-tempat pemeriksaan.

BUKAN asing lagi ka-pendengaran kita dengan kalimat 'pembangunan' di-ucapkan di-mana2: Dalam suratkhbar, dalam perbualan harian dan perdebatan Majlis Mashuarat Negeri. Kalimat ini sudah di-jadikan sa-bagai kata sakti untuk menyenangkan hati sa-tengah2 golongan.

Apa-kah sa-betul-nya yang kita maksudkan dengan 'pembangunan ekonomi' itu?

Dari satu pengertian yang dapat kita perturunkan di-sini berbunyi: Pembangunan ekonomi ia-lah satu proses, di-mana pendapatan negara bertambah untuk masa yang berpanjangan dan saimbang dalam 15, 20 atau 25 tahun.

Dalam pengertian yang superficial, tentu-nya kita akan berpuas hati bila melihat pertambahan pendapatan negara itu dalam bentuk pertambahan kilang, pengeluaran atau hasil2 pertanian, tapi dalam sa-buah Negara Kebajikan yang tentu-nya mementingkan kebajikan raayat-nya, pengertian *pembangunan ekonomi* juga di-maksudkan untuk mempertinggikan taraf hidup raayat-nya yang lebih baik.

Ini termasuk-lah usaha mencakupkan makanan, penguasaan perumahan yang baik dan terat, taraf kesihatan yang terjamin, penghapusan tularan penyakit dan kemiskinan di-kalangan raayat biasa. Lebih jelas-nya, di-samping usaha2 pembangunan ekonomi dalam bentuk perkembangan dan pembangunan negara, taraf hidup raayat mesti-lah diusahakan untuk mencapai taraf hidup yang lebih baik.

Mengikut banchian yang tidak rasmi, pendapatan per kapita penduduk Brunei mencahapai hingga sa-ribu ringgit lebih dalam sa-bulan. Tapi pada hakikat-nya, petani di-kampong yang maseh menggunakan bajak dan kerbau tidak akan mencapai pendapatan demikian; sa-orang kerani pejabat, walau sudah mampu mengenderai mobil datang ka-pejabat, maseh tidak mencapai pendapatan pukul-rata sa-ribu ringgit lebih dalam sa-bulan.

Apa yang harus di-tekanakan di-sini dalam pembangunan ekonomi itu harus-lah bertujuan untuk kebajikan (economic welfare) di-kalangan raayat-nya. Hal berikut ini telah di-persetujui oleh pakar2 ekonomi untuk mengkaji pembahagian pendapatan (distribution of income) harus di-teliti apa-kah ia benar2 merupakan untuk kebajikan dan kegembiraan penduduk2 dalam negeri.

Di-samping itu mesti-lah ada usaha penduduk dalam negeri itu sendiri untuk melancarkan pembangunan ekonomi sa-buah negara itu — tidak dengan mengharap bantuan dari luar atau dari orang luar.

Hal berikut ini telah di-tekanakan oleh Y.B. Haji Awang Abdul Aziz sendiri di-persidangan ECAFE di-Singapura baru2 ini, dengan meyadari betapa perlu-nya belia menyertai dalam projek2 pembangunan

BRUNEI DALAM PEMBANGUNAN EKONOMI

Renchana ini di-padankan dari isi kandungan Renchana Nusantara yang telah disiarkan melalui Radio Brunei pada 5 Mei, 1969, yang di-tulis oleh Penulis Skerip Radio Brunei.

tingan. Alasan ini menggerakkan pehak Kerajaan dan kita sendiri untuk melancarkan jentera ka-arrah pembangunan ekonomi tadi.

Alasan ketiga untuk Brunei khusus-nya, dalam pelancaran pembangunan ekonomi ini ia-lah untuk melancarkan Rancangan Kemajuan Negara yang telah di-gariskan di-bawah 14 tajok besar untuk langkah membangun dan berkembang. Di-bawah tajok pertama yang berbunyi: menganeka-chorakkan ekonomi supaya tidak bergantung kepada satu perusahaan saja saperti minyak.

Tajok ini bertujuan untuk mengimbangi bahan eksport utama yang berjumlah lebih dari 97 peratus dengan bahan eksport lain-nya.

Dalam lapangan pembangunan, kebanyakan pakar2 ekonomi menyarankan agar Kerajaan mengambil alih dan mengambil peranan penting dalam pembangunan ekonomi ini.

Walau bagaimana pun dalam pembangunan ekonomi ini ada dua alternatif terbuka untuk kita: Pertama, usaha Kerajaan mengambil peranan penting-nya dalam lapangan idustri dan kedua-nya peranan Kerajaan chuma menyediakan kemudahan2 dan bantuan untuk pembangunan ekonomi.

Dalam hal ini, kita di-Brunei ini, Kerajaan telah mengambil alih melaksanakan dalam dua alternatif ini. Kerajaan dalam segala bidang memerhatikan perkembangan idustri, pertanian, pergerakan belia dan sa-bagai-nya. Dan di-sini-lah kita dengan projek pembangunan yang maseh berjalan sekarang.

negara di-samping usaha mengadakan sa-buah pusat belia kebangsaan dan pembinaan sa-buah kolam bernang. Belia sa-bagai tulang belakang masha-rakat jenerasi baru perlu untuk mengabungkan diri dalam pembangunan ekonomi sekarang.

Soal-nya sekarang: Mengapa-kah kita maukan pembangunan ekonomi?

Ada beberapa alasan yang dapat kita sarankan di-sini. Alasan pertama dari pelbagai Negeri Asia Tenggara yang pernah di-jajah untuk melancarkan pembangunan ekonomi ini dengan tujuan untuk membangun sa-telah berkurun2 ekonomi mereka di-kendalikan oleh orang lain. Mereka mau pembangunan itu harus di-selaraskan dengan kemahuan rayat, dan saperti yang telah kita tekankan di-awal2 tadi — pembangunan ekonomi itu hendak-lah bertujuan untuk menyahut kepentingan dan kebajikan raayat sa-sebuah negara itu.

Ada orang yang sa-chara mutlak menghubungkan kemunduran ekonomi kerana penjajahan. Memang ada lo-

jik-nya, kalau champur-tangan asing itu sedikit sa-banyak itu menyebabkan kemunduran ekonomi kita, tapi bukan-nya itu hendak-nya di-jadikan pokok kemunduran kita sa-lama ini. Negeri Thai yang tidak pernah di-jajah tidak pernah merasa bangga dengan pembangunan ekonomi-nya yang wajar jika di-bandingkan dengan pembangunan di-Singapura yang ada sekarang.

Pembangunan ekonomi banyak terletak pada kesanggupan dan keberanian kita untuk bergerak dan bertindak, serta menyesuaikan dengan tuntutan zaman dan kemahuan raayat-nya.

Alasan kedua yang dapat kita sarankan: Kenapa kita menghendaki pembangunan ekonomi berdasarkan dari tambahan permintaan dan penduduk.

Kita lihat dalam tahun akhir2 ini kita serba menghendaki badan untuk pembangunan, dan semua bahan2 mentah ini harus di-datangkan dari luar. Di-tambahi dengan pertambahan chepat bilangan penduduk, yang tentu-nya menghendaki banyak keperluan dan kepen-



Pembinaan Pusat Belia (gambar atas) telah siap baru2 ini dan akan di-rasmikan pembukaan-nya tidak berapa lama lagi.

Pembinaan bangunan yang menelan belanja kira2 \$2.2 juta itu

telah di-mulakan dalam bulan Ogos, 1967.

Pusat Belia ini ada-lah merupakan salah sa-buah pusat penghiboran yang chantek dan moden di-Asia Tenggara.

Di-samping mempunyai sa-buah

dewan yang boleh menampung kira2 1,000 orang, ia-nya juga mempunyai sa-buah kolam bernang, gymnasium, bilek urusan rumah tangga, bilek penghijiran dan asrama yang berasingan untuk lelaki dan perempuan.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

14 Mei, 1969.

EKONOMI MASHARAKAT

PEMANGKU Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara, Pengiran Haji Mohammad Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim menekankan bahawa syarat2 yang akan menentukan kemajuan ekonomi dan sosial sa-suatunya masyarakat ada-lah terletak lebeh pada qualiti daripada quantiti penduduk-nya.

Jelas terbukti bahawa sa-sebuah negara itu tidak kira kaya raya-nya sekalipun — tidak kira banyak-nya bahan mentah kepunyaan negara itu, tidak akan dapat berkembang maju kalau sekira-nya ia kekurangan tenaga2 manusia yang berqualiti. Hakikat ini samalah seperti suatu jentera yang tidak mempunyai sa-orang pemandu yang berkemahiran.

Bagi sa-buah negara yang sedang membangun seperti Brunei, maka kenyataan Yang Amat Berhormat Pemangku Menteri Besar itu merupakan satu chabaran yang memerlukan perhatian yang tegas di-kalangan penduduk negeri ini, kerana ada-lah satu perkara yang penting bagi pengujudan persainimbangan kemajuan negara kita dengan kemampuan rayat pada menerima dan mendukung kehendak2 kemajuan itu.

Tidak shak lagi bahawa Brunei dalam jangka waktu yang singkat akan menempoh arus perkembangan yang amat pesat terutama apabila ranchangan2 pembangunan negeri ini semakin meluas.

Memang suatu hakikat yang pasti pula bahawa penduduk2 negeri ini tahun demi tahun semakin pesat bertambah bilangannya. Ini ada-lah merupakan satu kemestian yang sukar hendak di-elak. Tetapi apakah guna-nya penduduk yang banyak itu jika tidak mempunyai perubahan2 dalam penghidupan mereka sepertimana menurut kehendak iklim negara?

Dari persoalan ini, maka ada-lah menjadi satu hakikat sekarang bahawa sa-tiap orang penduduk terutama sekali angkatan2 muda apalagi kalau ia sa-orang pelajar hendaklah melengkapi diri masing2 untuk menghadapi chabaran2 itu nanti.

Ada-lah suatu yang tidak berfaedah kalau kenyataan ini di-salah artikan nanti dengan mengutarakan pendapat2 yang lama yang outodox sifat-nya seperti mengatakan "harus disediakan tempat untuk pelajar2 itu sesudah tamat dan meninggalkan bangku sekolah".

Sudah tentu hujah2 sa-umama ini di-tujukan kepada kerajaan untuk memikul-nya.


Kita sifatkan bahawa pendapat yang sa-demikian ada-lah tidak sesuai lagi untuk sa-buah negara yang ingin membangun dalam berbagai2 lapangan apalagi dalam soal meningkatkan ekonomi masyarakat.

Dan ada-lah kurang wajar pula untuk menyerahkan bulat2 kapada Kerajaan tanpa kesedaran dari rayat sendiri untuk menguasai keyakinan perchayaan atas usaha sendiri.

Bagi kejayaan usaha sendiri ini pula jika di-kehendaki dari bantuan atau dukungan Kerajaan, maka pehak Kerajaan akan mengalu2kan usaha itu asal saja keyakinan itu berjalan kental dan terus melangkah dengan kejujuran dan keikhlasan.

LEMBU2 DARI AUSTRALIA

DALAM KEADAAN BAIK



Hasil padi bertambah dengan menggunakan baja

BANDAR BRUNEI — Baja2 yang di-berikan dengan perchuma oleh Jabatan Pertanian kapada penanam2 padi dalam musim menanam yang lalu telah membuktikan satu faktor penting bagi menambahkan hasil padi di-negeri ini.

Di-Daerah Brunei-Muara, 59 orang peladang yang menggunakan baja tersebut telah memperolehi kira2 550 gantang pada tiap2 sa-ekar, sementara lima orang peladang yang tidak menggunakan baja hanya memperolehi 392 gantang dalam satu ekar.

Memandang kapada hasil penggunaan baja itu, peladang2 tadi telah memperolehi tambahan sa-banyak 158 gantang atau lebeh dari 40 peratus dari lima orang peladang yang tidak menggunakan baja.

Sembilan puluh empat orang peladang di-Daerah Tutong yang menggunakan baja telah memperolehi 514 gantang dalam satu ekar berbanding dengan 291 gantang dalam satu ekar yang di-dapati oleh 96 orang peladang yang tidak menggunakan baja.

Peladang2 di-daerah itu telah menchatatkan tambahan hasil sa-banyak 223 gantang pada tiap2 satu ekar atau bersamaan dengan 77 peratus.

Di-Daerah Belait, 40 orang peladang yang menggunakan baja telah memperolehi 514 gantang dalam sa-ekar, sementara 60 orang peladang yang tidak menggunakan baja hanya memperolehi 423 gantang dalam sa-ekar.

Di-Daerah Belait, 40 orang peladang yang menggunakan baja telah memperolehi 514 gantang dalam sa-ekar, sementara 60 orang peladang yang tidak menggunakan baja hanya memperolehi 324 gantang dalam sa-ekar.

Jambatan baru di-Kg. Tungku

BANDAR BRUNEI — Pembinaan dua buah jambatan kayu di-Jalan Kampong Tungku ka-Pasir dekat Gadong, telah siap lebeh awal dari yang di-jadualkan.

Kedua2 buah jambatan itu menggantikan jambatan2 lama yang di-bena oleh Pejabat Daerah enam tahun yang lalu, di-bawah ranchangan kemajuan luar bandar.

Jabatan2 itu, masing2 panjang-nya 30 dan 20 kaki dan lebar 12 kaki, boleh di-lalui oleh kenderaan sederhana dengan muatan tidak lebeh dari 10 tan.

Janda dapat bantuan

SERIA — Majlis Perkhidmatan Masyarakat Belait telah mengeluarkan wang sa-jumlah \$1,088.80 sa-bagai bantuan orang ramai, kapada penerima2 bantuan majlis itu dalam bulan lalu.

Dalam satu mashuarat baru2 ini, majlis itu juga bersetuju untuk memberikan bantuan sa-banyak \$20.00 kapada sa-orang dari lima pemohon, sa-orang janda tua berumur 64 tahun. Dia ada-lah penerima penchen tua dari kerajaan dan tiada mempunyai anak untuk menjaga.

Sementara itu, Rumah Orang2 Tua di-Seria telah menerima derma tahunan sa-banyak \$800.00 dari Sharikat Minyak Shell Brunei dan derma sa-banyak \$72.00 dari sa-orang penderma.

BANDAR BRUNEI — Sa-ekor lembu Santa Gertrudis di-ladang ternakan Jerudong telah melahirkan sa-ekor anak dan tiga ekor yang lain lagi sedang mengandung.

Dua ekor lembu jantan dan empat ekor betina jenis Santa Gertrudis itu telah di-bawa masuk ka-negeri ini oleh Jabatan Pertanian dari Brisbane, Australia dalam bulan Oktober tahun lepas di-bawah ranchangan bagi meninggikan lagi mutu ternakan tempatan.

Pegawai Haiwan, Awang C.V. Subramaniam ketika mengumumkan perkara ini berkata, lembu2 itu telah dapat mensesuaikan diri dengan iklim di-negeri ini dan lembu2 itu ada-lah dalam keadaan baik.

Lembu2 tersebut di-jaga oleh kaki-tangan Jabatan Pentanian sa-bagai ternakan permulaan yang anak2-nya nanti akan di-bahagi2kan kapada peladang2 untuk meninggikan lagi mutu ternakan mereka.

Lembu2 jantan jenis itu juga di-kahwinkan dengan lembu2 betina yang di-impot dari Kedah, Malaysia Barat pada tahun lalu.

Pada masa ini terdapat kira2 2,800 ekor lembu di-negeri ini. Lembu2 itu di-sifatkan sa-bagai bermutu rendah kerana jagaan yang tidak sempurna.

Jabatan Pertanian mengharapkan dengan ada-nya ranchangan memperbaiki ternakan lembu itu, penternak2 lembu akan mendapat lembu2 yang bermutu baik pada masa akan datang.

Gambar atas menunjokkan sa-lah sa-ekor dari lembu jenis Santa Gertrudis bersama dengan anak yang baru di-lahirkan-nya.



Zaine Nordin pemenang pertama dalam kumpulan yang berumur dari empat hingga 11 bulan bergambar dengan ibu-nya.

53 BUAH CHERPEN DI-TERIMA UNTOK 'SAYEMBARA CHERPEN'

BANDAR BRUNEI — Perkhidmatan Melayu Radio Brunei telah menerima sa-banyak 53 buah cherpen untok di-hakimkan awal bulan Jun ini sa-telah penerimaan-nya di-tutup 3 Mei lepas.

Tujuh buah daripada cherpen itu datang-nya dari peserta wanita semantara dua buah lagi dari pelajar2 Brunei di-Singapura dan di-Ipoh, Malaysia.

Peraduan yang di-beri nama 'SAYEMBARA CHERPEN' itu adalah julong2 kali pernah di-anjorkan oleh Perkhidmatan Melayu Radio Brunei.

Pemenang pertama dalam peraduan

an itu akan di-beri hadiah wang tunai sa-banyak \$60.00, kedua \$45.00 dan ketiga \$30.00 sementara 17 buah lagi cherpen pilihan akan di-beri hadiah \$10.00 tiap2 satu.

Beberapa orang jemaah hakim telah pun di-lantek untok menghakimkan cherpen2 itu dan keputusan-nya akan di-umumkan pada awal bulan Julai yang kemudian-nya di-ikuti dengan siaran cherpen itu di-udara sa-hingga bulan Nobember.

Cherpen2 yang di-pertandingkan itu berthematik pertumbuhan rohani dan perkembangan pemikiran bangsa dan pembangunan yang ada sekarang.

86 orang sertai

Peraduan

Kesihatan Kanak2

BANDAR BRUNEI — Sa-ramai 86 orang kanak2 yang berumur di-antara empat bulan hingga 20 bulan telah mengambil bahagian dalam peraduan kesihatan kanak2 yang telah di-adakan di-Dewan Sekolah Melayu S.M.J.A. Pussar Ulak, Bandar Brunei pada hari Jumaat lepas.

Peraduan yang di-anjorkan oleh Pertubuhan Perkumpulan Perempuan Brunei itu telah di-bahagikan kepada dua kumpulan ia-itu yang berumur dari empat hingga 11 bulan dan dari 12 hingga 20 bulan.

Sa-ramai 56 orang kanak2 telah mengambil bahagian dalam kumpulan pertama dan 30 orang mengambil dalam kumpulan kedua.

Pemenang2 dalam kumpulan pertama ia-lah Zaine Nordin, Pertama; Chong Ruey Shuihan, Kedua dan Julaihi Salleh, Ketiga.

Sementara dalam kumpulan kedua pertama di-menangi oleh kanak2 kembar tiga — Fatimah, Aminah dan Zalimah; kedua Yunaidi bin Yunos dan ketiga Zuliskandar bin Sulaiman.

Lapan orang kanak2 dari tiap2 kumpulan telah menerima hadiah2 khas dan hadiah2 juga di-berikan kepada tiap2 peserta dalam peraduan tersebut.

Kira2 \$2,000 telah di-kutip dari hasil penjualan buku2 ranchangan dan dari jualan murah yang di-adakan bersempena dengan peraduan kesihatan kanak2 itu.



Kanak2 kembar tiga, Fatimah, Aminah dan Zalimah yang mendapat tempat pertama dalam kumpulan kedua — yang berumur di-antara 12 hingga 20 bulan — kelihatan riang sambil di-dukung oleh ibu dan kakak2-nya.

Peraduan berzanji, kasidah anjan Majlis Belia-Belia

BANDAR BRUNEI — Badan Seksi Ugama, Majlis Belia2 Negeri Brunei akan menganjorkan peraduan2 Berzanji dan Kasidah pada 24 Mei ini di-Dewan Raya, Bandar Brunei.

Peraduan yang terbuka kepada semua persatuan2 belia di-seluruh negeri itu adalah salah satu acara sambutan hari keputeraan Junjongan Kita Nabi Mohammad s.a.w.

Sa-orang juruchakap Majlis Belia2 Negeri Brunei berkata, borang2 bagi memasoki peraduan2 tersebut telah pun di-hantar kepada persatuan2 belia di-negeri ini.

Juruchakap itu berkata, borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan kepada Awang Ahmad bin Ghafar, Setia Usaha Badan Seksi Ugama, Majlis Belia2 di-alamat Dewan Bahasa dan

Pustaka, Bandar Brunei tidak lewat 20 Mei, 1969.

Juruchakap itu menyeru persatuan2 belia yang belum menerima borang2 masok bertanding supaya berhubung dengan Setia Usaha Badan Seksi Ugama.

10 orang guru di-pinjamkan oleh Kerajaan Singapura

BANDAR BRUNEI — Kerajaan Singapura akan menghantar 10 orang guru termasuk dua orang perempuan ka-Brunei atas pinjaman sa-lama dua tahun.

Mereka akan tiba tidak beberapa lama lagi dan akan ditempatkan di-Sekolah2 Menengah Melayu di-Bandar Brunei.

Pelajaran sains di-ajarkan di-Sekolah Arab

BANDAR BRUNEI — Sekolah Menengah Arab Hassanah Bolkiah telah memasokkan sains dalam mata pelajaran-nya dan ia-nya akan di-ajar di-sebuah bangunan yang berasingan yang sekarang sedang dalam pembinaan.

Apabila bangunan itu siap dalam bulan September ini, ia-nya akan di-lengkapkan dengan sa-buah makmal sains bagi pelajaran ilmu hayat, fisik dan ilmu kimia.

Bangunan tambahan itu di-anggarkan menelan belanja \$573,000 dan di-hubungkan dengan bangunan utama sekolah itu oleh satu jalan yang beratap.

Kebanyakan dari guru2 tersebut ada-lah guru2 ilmu hisab dan sains.

Ini ada-lah pertama kali-nya kerajaan Singapura meminjamkan guru2 seperti itu kepada kerajaan Brunei.

Pada masa yang lampau, Kerajaan Brunei mendapatkan guru2 pinjaman dari Malaysia Barat.

Tutong akan punyai ibu sawat talipon baru

TUTONG — Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammed Salleh berkata, pihak kerajaan telah membuat rancangan untuk membina bangunan baru ibu-sawat talipon di-Tutong.

Pengiran Othman telah menjawab kepada satu ucapan penanggihan oleh Awang Yah-

ya bin Mohammed Said, ahli kawasan Sinaut di-sidang bulanan Majlis Mashuarat Daerah Tutong yang di-adakan di-bilik Persidangan Pejabat Daerah Tutong pada hari Rabu lepas.

Kata-nya kerajaan sudah pun memperolehi tapak untuk membina bangunan tersebut dan ada-lah bergantung kepada jabatan yang berkenaan untuk membina bangunan itu.

Menyentuh tentang kesihatan, beliau berkata, kerajaan telah pun membuat rancangan untuk membina sa-buah rumah sakit di-daerah Tutong dan kawasan bagi pembinaan-nya sudah pun di-perolehi.

Pengiran Othman menyeru penduduk di-daerah itu supaya memberikan kerjasama dalam melaksanakan semua projek di-daerah Tutong bagi faedah masa depan mereka.

Terdahulu sa-belum itu, majlis telah meluluskan satu usul yang di-bentangkan oleh Awang Damit bin Salleh, ahli kawasan Rambai yang meminta kerajaan supaya membina sa-buah klinik di-Kampung Rambai, Ulu Tutong sa-beberapa segera yang boleh.

Majlis Mashuarat itu juga menjawab beberapa soalan yang di-kemukakan oleh majlis.

Brunei akan sertai Perlawanan Tinju Asia

BANDAR BRUNEI — Negeri Brunei akan menghantar wakil untuk menyertai dalam Kejohanan Tinju Amateur Asia yang ke-empat yang akan di-adakan di-Kuala Lumpur dalam bulan Oktober tahun ini.

Lapan belas buah negara termasuk India, Pakistan, Malaysia, Singapura dan Brunei akan mengambil bahagian.

Tiap2 negara di-jangka akan menghantar satu pasukan untuk mengambil bahagian dalam light fly weight hingga ka-heavy weight.

Sa-orang juruchakap Persatuan Tinju Amateur Negeri Brunei berkata, persatuan itu akan memilih ahli2 tinju untuk mewakili Brunei sa-lepas Kejohanan Tinju Negeri Brunei yang akan di-adakan dalam bulan Ogos ini.

Ini ada-lah kali kedua-nya Brunei menyertai perlawanan tinju antara bangsa.

Pada tahun lalu Brunei telah menghantar empat orang ahli tinju untuk menyertai kejohanan Tinju Amateur Asia yang juga telah di-adakan di-Kuala Lumpur.

M.B.B. anjorkan peraduan lumba bernang

BANDAR BRUNEI — Majlis Belia2 Negeri Brunei akan menganjorkan peraduan bernang bagi menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negeri Brunei dalam bulan Julai hadapan.

Peraduan tersebut akan di-adakan di-kolam bernang di-Berakas pada 20 Julai.

Peraduan yang julong2 kalinya di-anjorkan oleh Majlis itu ada-lah terbuka kepada persatuan2 belia dan pertubohan2 kebajikan di-negeri ini.

Pengerusi Seksi Sokan Majlis Belia2 Negeri Brunei, Awangku Haji Mohammad bin Pengiran Haji Chuchu berkata, peraduan itu akan di-bahagikan kepada dua bahagian ia-itu perseorangan dan berpasukan.

Tiap2 pasukan hendak-lah mengandungi empat orang.

Bayaran masuk bertanding ia-lah 50 sen bagi perseorangan dan \$2.00 bagi berpasukan.

Borang2 masuk bertanding boleh di-perolehi dari Awang Haji Ahmad bin Mudim Bakar, Jabatan Letrik, Bandar Brunei dan Awang Mashri bin Haji Arshad, Pejabatan Buroh Kuala Belait.

Borang2 yang telah di-isikan bersama2 wang bayaran masuk hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 31 Mei, 1969.

Kembali sa-telah jalani kursus rawatan mata

BANDAR BRUNEI — Sa-orang Penolong Rumah Sakit, di-rumah sakit Bandar Brunei, Awang Mohammad Tahir bin Haji Nudin telah pulang katanah ayer baru2 ini sa-telah berjaya menjalani kursus dalam jurusan rawatan mata di-United Kingdom.

Sa-lama menjalani kursus, Awang Mohd. Tahir telah ditempatkan di-Rumah Sakit Mata Birmingham dan Midlands dan beliau mendapat diploma dalam merawat mata.

Awang Mohammad Tahir telah berkhidmat di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan sa-lama 11 tahun dan telah berkhidmat di-klinik mata di-rumah sakit Bandar Brunei sa-lama tujuh tahun.

Melanjutkan pelajaran ka-Universiti Malaya

BANDAR BRUNEI — Dua orang penuntut Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah berlepas ka-Kuala Lumpur pada hari Sabtu lepas untuk melanjutkan pelajaran mereka di-Universiti Malaya atas biasiswa kerajaan.

Mereka ia-lah Awang Metussin bin Umar dan Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Kedua2 penuntut itu akan menuntut sa-lama tiga tahun untuk mengambil ijazah Bachelor of Arts dalam bahagian pengajian Melayu.

Awang Metussin dan Awang Abu Bakar telah lulus peperiksaan Sijil Persekolahan Tinggi yang di-adakan di-Brunei dalam tahun lepas.

Sambutan Maulud Nabi

di-Daerah Brunei — Muara

29 Mei ini

BANDAR BRUNEI — Umat Islam di-Daerah Brunei-Muara akan merayakan hari keputeraan Nabi Mohammad s.a.w. pada 29 Mei ini dengan satu perarakan mengelilingi Bandar Brunei.

Jabatan Hal Ehwal Ugama telah pun membahagi2kan borang2 untuk menyertai perarakan itu kepada pertubohan2 Islam, persatuan2 belia, sekolah2 dan maktab2, jabatan2 kerajaan serta kampung2 menjemput mereka supaya turut serta dalam perayaan itu.

Sa-orang juruchakap Jabatan Hal Ehwal Ugama berkata, borang2 yang telah di-isikan hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Perayaan,

Haji Awang Mohammad Tarif bin Pehin Orang Kaya Perdana Wangsa Haji Mohammad, di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei tidak lewat dari 25 Mei jam 4.00 petang.

Perarakan itu pada mulanya akan berhimpun di-padang besar Bandar Brunei sa-belum berarak mengelilingi bandar.

Sa-telah perarakan itu, mereka akan berhimpun semula di-padang itu untuk mendengar sharahan2 mengenai riwayat hidup dan ajaran2 Nabi Mohammad s.a.w.

Sambutan2 yang sa-rupa itu juga akan di-adakan di-Daerah2 Tutong, Belait dan Temburong.

Kursus pertanian bagi peladang

Kampong Serasa

BANDAR BRUNEI — Rom-bongan pensharah dan jurulatih dari Jabatan Pertanian, sekarang berada di-Kampong Serasa, Muara untuk menjalankan kursus pertanian bagi peladang2 di-kampung itu.

Kursus itu ada-lah bertujuan untuk menekankan betapa penting-nya penggunaan chara2 pertanian moden di-kampung2, bagi menambahkan hasil pertanian dan pendapatan kaum peladang.

Kursus itu juga termasuk latihan ka-pusat pertanian di-Kilanas, ladang ternakkan Jerudong dan pusat pertanian Sharikat Minyak Shell di-Sinaut pada hari Sabtu, 17 Mei.

JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Penyelenggara Setor Tingkat II dan III

Di-Jabatan Hal Ehwal Ugama

PERMOHONAN2 ada-lah di-pe-lawa daripada chalan2 yang ber-kelayakan yang menjadi raayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan bagi lan-tekkan Penyelenggara Setor Tingkat II dan III di-Jabatan Laut, Brunei.

(a) PENYELANGGARA SETOR TINGKAT II

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 20 tahun.
- Pemohon2 mesti-lah lulus se-kurang2-nya Tingkatan III dalam Sekolah Menengah Ing-geris atau Melayu atau pun

menpunyai kelulusan yang sa-banding. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai Sijil Rendah Pe-lajaran Malaysia dengan men-dapat markah lulus dalam Ba-hasa Inggeris.

- Pengetahuan bahasa Inggeris ada-lah perlu oleh kerana pe-mohon yang berjaya mesti tahu membaca dan mengerti-kan dalam bahasa Inggeris kandungan Sinarai Bahagian2 Pengganti bagi Ingin2 Marine Compression Ignition dan Sinarai Barang2 bagi perka-kas2 dan alat2 kapal.

- Pemohon2 mesti-lah mempu-nyai sekurang-nya dua tahun pengalaman dalam penyelan-gara setor, yang mana sa-baha-gian daripada-nya mesti-lah berpengalaman dalam mengu-ruskan penyimpanan barang2 kejuruteraan ringan dan ba-hagian pengganti.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D. 2 EB 3 — \$270 x 15 - 360/EB/380 x 20 - 480. Gaji permulaan bergan-tong kepada kelayakan2 dan pengalaman.

(b) PENYELANGGARA SETOR TINGKAT III

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- Pemohon2 mesti-lah berumur tidak kurang dari 18 tahun.
- Pemohon2 mesti-lah lulus se-kurang2-nya Tingkatan II dalam Sekolah Menengah Ing-geris atau Melayu, atau pun mempunyai kelulusan yang sa-banding.
- Pengetahuan bahasa Inggeris ada-lah di-kehendaki oleh ke-rana pemohon yang berjaya mesti tahu membaca dan mengerti dalam bahasa Ing-geris kandungan Sinarai Ba-hagian2 Pengganti bagi Ingin2 Marine Compression Ignition dan Sinarai Barang2 bagi perka-kas2 dan alat2 kapal.

- Pemohon2 mesti-lah mempu-nyai sekurang2-nya satu tahun pengalaman dalam penyelan-garaan setor. Keutamaan akan di-beri kepada pemohon2 yang mempunyai pengetahuan da-lam menguruskan penyiimpan-an barang2 kejuruteraan rin-gan dan bahagian2 peng-ganti.

Gaji:

Dalam sukatan gaji E. 1-2 EB 3 — \$200 x 10 - 270/EB/280 x 10 - 330. Gaji permulaan bergan-tong kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 daripada Pega-wai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantarkan laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Pemohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 25 Mei, 1969.

PERMOHONAN2 ada-lah di-pe-lawa daripada raayat atau mereka yang berhak di-daftarkan sa-bagai raayat D.Y.M.M. Sultan bagi me-menohi jawatan2 kosong yang ber-ikut di-Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Hanya mereka2 yang tinggal ber-dekatan dengan kawasan Masjid ini di-kehendaki memohon:—

- IMAM (1 jawatan)
— bagi Masjid Sufri Bol-kiab, Berakas.
- KHATIB (2 jawatan)
— bagi Masjid Mohammad Alam, Kuala Belait.
— bagi Masjid Pekan, Seria.
- BILAL (5 jawatan)
— bagi Masjid Pekan, Seria.
— bagi Masjid Sufri Bol-kiab, Berakas.
— bagi Masjid Setia Ali Pekan Muara.
— bagi Masjid Utama Mo-hammad Salleh Pekan Bangar, Temburong.
— bagi Masjid Mohammad Alam, Kuala Belait.
- MERBUT (1 jawatan)
— bagi Masjid Setia Ali Pekan Muara.

Sharat2 Memohon:

- Pemohon2 mesti-lah ber-umur di-antara 20 hingga 45 tahun.
- Mesti-lah mahir dalam mem-bacha Al-Quran dan menge-tahui hukum2 Ugama Islam.
- Mengetahui dan bersedia bagi menyempurnakan Far-dhu Kifayah bila2 masa di-kehendaki.
- Pemohon2 mesti-lah bersedia menghadapi satu pepercak-saan yang akan di-adakan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Gaji:

- Dalam sukatan gaji:—
- IMAM — U4 (i), (ii) \$260 x 10 - 520.
 - KHATIB — U3 — \$220 x 10 - 330/340 x 10 - 430.
 - BILAL — U2 — \$200 x 10 - 400.
 - MERBUT — U1 — \$170 x 5 - 210/220 x 5 - 250.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari-pada 27 Mei, 1969.

Di-Jabatan Pelajaran

PERMOHONAN2 ada-lah di-pe-lawa untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Pelajaran, Brunei.

(a) PENOLONG PENGAJAR BAGI SEKOLAH PERTUKANGAN KEJURUTERAAN, KUALA BELAIT.

Penolong Pengajar akan me-mulakan perkhidmatan pada 1hb. Januari, 1970, dalam bidang2 per-tukangan yang berikut (dalam Per-antaraan Inggeris).

- Pertukangan Besi — (2) Jawatan
Pemasangan dan Penggunaan Mesin — (4) Jawatan

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti mempunyai Sijil Pertukangan City dan Guilds atau pun yang sa-ban-ding dengan-nya dan mempu-nyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman perusahaan dan 3 tahun pengalaman menajar. (dalam bidang pertukangan yang sesuai)

Gaji:

Dalam sukatan gaji T. 7 — B\$440 x 20 - 660 x 30 - 840. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

(b) PENOLONG PENGAJAR BAGI SEKOLAH PERTUKANGAN

Penolong Pengajar akan me-mulakan perkhidmatan pada 1hb. Januari, 1970, dalam bidang2 per-tukangan yang berikut dalam (Per-antaraan Inggeris).

- Pertukangan Kayu — (6) Jawatan
Pertukangan Batu dan Simen Menyimen — (3) Jawatan
Chat Mengechat dan Hiasan — (2) Jawatan
Pertukangan Paip Ayer — (1) Jawatan

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti mempunyai Sijil Pertukangan City dan Guilds atau pun yang sa-ban-ding dengan-nya dan mempu-nyai sekurang2-nya 5 tahun pengalaman perusahaan dan 3 tahun pengalaman menajar. (dalam bidang pertukangan yang sesuai)

Gaji:

Dalam sukatan gaji T. 7 — B\$440 x 20 - 660 x 30 - 840. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantikan:

Chalan2 yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara ber-kontrek sa-lama 3 tahun ter-masuk masa perchubuan sa-lama 6 bulan. Pembaharuan kontrek ada-lah dengan per-setujuan bersama.

Baksis:


Baksis sa-banyak 12 1/2% dari-pada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Bak-sis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan:

Pada masa ini tidak Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai sharat2 perkhid-matan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salin-an surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Se-tia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 28 Mei, 1969.



KAPISAN=TIDAK TERDAYA (K.O), LEMAH. SIOK=ENAK.

Selalu lawat kawasan yang di-wakili

(Dari Muka 1)

atas perhatian ahli itu dan berjanji akan memaalumkan kepada pehak Jabatan Kerja Raya.

Wakil kawasan Panglima, Yang Berhormat Awang Zainal Abidin bin Puteh telah menimbulkan tentang susunan ranchangan bandar di-daerah itu dengan pembenaan perumahan2 yang menurut beliau di-dirikan di-atas tanah yang sudah habis tempoh grant-nya.

Mengulas kenyataan ini, Pegawai Daerah Belait, Pengiran Dato Paduka Momin menyatakan bahawa susunan ranchangan bandar kita di-sini telah di-akui keelokannya oleh sa-orang pakar dari ECAFE dan pengakuan yang serupa ada-lah juga di-buat oleh Pegawai Peranchang Bandar Negeri Brunei.

Beliau sa-terus-nya mengulas tentang perumahan2 di-kawasan bandaran yang di-bena di-atas tanah yang sudah habis tempoh lama-nya.

"Tanah2 itu bila habis tempohnya akan terpulang kepada Kerajaan walau pun perumahan2 yang di-dirikan di-atas-nya bertingkat2 atau pun merupakan perumahan yang kukuh", jelas beliau.

Beliau berkata, lembaga bandar-an hanya berhak meluluskan permohonan mengenai bentuk rumah yang akan di-buat, tetapi bukanlah bermaana yang mereka boleh tinggal tetap di-atas tanah Kerajaan itu.

Awang Osman bin Jalil (kawasan Balai/Labi) telah menimbulkan tentang keadaan masjid di-Labi yang menurut beliau tidak dapat di-gunakan lagi di-sebabkan masjid itu sudah bochor dan dindind2-nya sudah pechah dan terkopak di-sana sini.

Beliau meminta Kerajaan supaya dapat membena sa-buah masjid yang baru di-Labi bagi menggantikan masjid yang ada sekarang.

Pegawai Daerah Belait tidak dapat memberikan jaminan tentang kemungkinan pembenaan sa-buah masjid yang baru di-Labi, kerana buat masa ini Kerajaan hanya membiayai seratus peratus bagi pembenaan masjid2 di-kawasan bandaran saja.

Walau pun begitu, Pengiran Dato Paduka Momin menasihatkan penduduk2 Labi menerusi wakil mereka itu supaya mengambil inisiatif sapertimana yang di-lakukan oleh penduduk2 Kampong Kilanas (dalam Daerah Brunei/Muarra) yang telah membena masjid di-kampung itu atas usaha bergotong ruyong.

Kata-nya, jika penduduk Labi bergotong ruyong membena sa-buah masjid yang baru nanti, maka Kerajaan bersedia memberikan bantuan kewangan sapertimana yang di-berikan kepada masjid2 kampung yang lain di-seluruh negeri.

120 orang masoki pepereksaan trengkas dan menaip

BANDAR BRUNEI — Saramai 120 orang chalun akan memasoki pepereksaan2 trengkas dan menaip yang akan diadakan dalam bulan hadapan.

Pereksaan itu di-anjorkan oleh Institute Trengkas Malaysia



Gambar atas menunjukkan Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Othman bin Pengiran Anak Mohammad Salleh kelihatan sedang merasmikan pem-

bukaan kedai Sharikat Persatuan Ikatan Melayu Kampong Kupang, Tutong pada hari Jumaat 9 Mei lepas.

Antara yang hadir menyaksikan upacara tersebut termasuklah Yang Di-Pertua Majlis Belia2 Negeri Brunei, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin.

Pulang dari Hawaii hari ini

BANDAR BRUNEI—Awang Abdul Latif bin Haji Ibrahim, sa-orang Penulong Penyelidik di-Jabatan Muzium Brunei dijadualkan pulang ka-tanah ayer hari ini sa-telah berjaya menjalani kursus praktikal sa-lama sembilan bulan di-Hawaii.

Awang Abdul Latif telah menjalani kursus mengenai hal ehwal pentadbiran dan teknik pameran di-sebuah muzium di-sana.

Kursus tersebut ada-lah anjoran Kerajaan Amerika Sharikat sa-bagai pertolongan kepada muzium2 di-kawasan timur dan barat yang di-namakan 'Centre for Cultural and Technical Interchange East and West'.

Ini ada-lah buat pertama kali-nya anak tempatan menerima biasiswa Kerajaan Amerika untuk mengikuti kursus mengenai hal ehwal muzium.



Satu rombongan yang terdiri dari isteri2 anggota Askar Melayu Di-Raja Brunei telah melakukan lawatan ka-Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Jabatan Muzium Brunei minggu lalu.

Gambar atas menunjukkan rombongan itu sedang di-beri penerangan oleh Penyelenggara Muzium, Pengiran Sharifuddin, ketika mereka melawat muzium tersebut.—Gambar Muzium.

dan di-kelolakan oleh Jabatan Pelajaran Brunei.

Pepereksaan yang di-bahagikan kepada tiga peringkat ia-itu peringkat permulaan, menengah dan tertinggi ini ia-lah pepereksaan pertengahan tahun.

Ia-nya akan di-adakan di-Sekolah Melayu S.M.J.A. Pussar Ulak, Bandar Brunei pada 13 Jun.

Pepereksaan akhir tahun akan di-adakan dalam bulan Disember hadapan.